

Gagal pameran harga gas LPG, peniaga di Limbang kena kompaun

2020-04-29T11:17:00+08:00

oleh Mastura Ismail



LIMBANG: Seorang peniaga di sini dikenakan kompaun sebanyak RM1,000 selepas gagal mempamerkan tanda harga bagi gas petroleum cecair (LPG) atau gas memasak pada Ahad.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Bahagian Limbang Pulnama Tarah (gambar) berkata kompaun itu dikeluarkan selepas pegawai penguat kuasa melakukan pemeriksaan di premis berkenaan.

"Kompaun sebanyak RM1,000 dikenakan kepada peniaga kerana gagal meletakkan label atau tanda harga tunai pada barang dengan nilai rampasan kes berjumlah RM468," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pulnama berkata tindakan diambil di bawah Perintah 3(1), Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Peruncit) 1993.

"Tindakan ini diambil sebagai peringatan kepada semua peniaga agar tidak mengambil kesempatan untuk tidak meletakkan tanda harga dalam Bahasa Melayu atau Inggeris.

"KPDNHEP Limbang tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan terutama dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini," katanya lagi.

Beliau memberitahu dari tempoh Januari tahun ini sehingga 27 April ini, KPDNHEP Limbang melaksanakan pemeriksaan ke atas 1,821 premis perniagaan meliputi bandar dan luar bandar dan merekodkan sebanyak 30 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM1.4 juta dan jumlah kompaun sebanyak RM4,250.

"Daripada jumlah tersebut, dua kes adalah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, 14 kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, tujuh kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972, enam kes di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan satu kes di bawah Akta Pelindungan Pengguna 1999.

Jelasnya, Kementerian menasihatkan semua peniaga tidak mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan yang tidak munasabah atau terlalu tinggi dalam tempoh pelaksanaan PKP ini.

"Para peniaga perlu mengamalkan perniagaan yang beretika dan tidak menaikkan harga barangan sesuka hati bagi mengelak tindakan tegas diambil untuk mereka yang ingkar," tegasnya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/29/gagal-pamer-harga-gas-lpg-peniaga-di-limbang-kena-kompaun>

